PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

Kadar faedah kekal stabil

Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) dikekalkan pada 3.00% pada suku pertama tahun 2014. Pada paras OPR ini, keadaan monetari kekal menyokong aktiviti ekonomi.

Dengan OPR yang tidak berubah ini, kadar antara bank semalaman purata (average overnight interbank rate, AOIR) stabil pada suku pertama. Pada tempoh antara 1 Januari dan 31 Mac 2014, AOIR bergerak dalam julat 2.92% hingga 3.00%. Pada bulan Februari 2014, Bank Negara Malaysia telah mengurangkan tempoh maksimum bagi operasi Lelongan Julat Tempoh Matang (Range Maturity Auction, RMA) daripada tiga bulan kepada dua bulan. Tempoh matang yang lebih pendek ini membolehkan lebihan mudah tunai bank yang disimpan di Bank Negara Malaysia matang dalam masa yang lebih kerap, dengan itu memastikan mudah tunai boleh dikeluarkan dalam tempoh dijangka berlaku aliran keluar modal. Meskipun simpanan antara bank stabil berbanding dengan bulan-bulan sebelumnya, ketiadaan urus niaga dengan Bank Negara Malaysia bagi tempoh matang tiga bulan telah menyebabkan kadar antara bank 3 bulan purata meningkat. Kadar antara bank bagi tempoh matang jangka pendek lain secara relatif stabil pada suku itu.

Kadar bagi swap kadar faedah dan kadar niaga hadapan 3 bulan Kadar Antara Bank Kuala Lumpur Ditawarkan (Kuala Lumpur Interbank Offered Rate, KLIBOR) dalam suku pertama stabil tetapi kekal tinggi dalam keadaan pasaran terusmenjangkakan kenaikan OPR pada separuh kedua tahun 2014.

Kadar deposit runcit stabil pada suku pertama. Kadar deposit tetap (FD) disebut purata bank perdagangan secara relatif tidak berubah. Pada akhir bulan Mac 2014, kadar FD disebut purata bank perdagangan bagi tempoh antara

Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman



Sumber: Bank Negara Malaysia

Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah



Sumber: Bloomberg

Niaga Hadapan 3 Bulan KLIBOR



Sumber: Bursa Malaysia

Kadar Faedah

	2013		2014
	S1	S4	S1
	Pada akhir tempoh (%)		
Kadar Dasar Semalaman (OPR)	3.00	3.00	3.00
Kadar antara bank			
Semalaman	3.00	2.99	3.00
1 bulan	3.10	3.20	3.06
Kadar berian pinjaman asas (BLR)			
Bank perdagangan	6.53	6.53	6.53
Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran			
Bank perdagangan	5.50	5.36	5.39
Kadar deposit tetap			
Bank perdagangan			
1 bulan	2.91	2.91	2.91
12 bulan	3.15	3.15	3.15

Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)



Sumber: Bank Negara Malaysia

1 hingga 12 bulan masing-masing adalah antara 2.91% hingga 3.15%.

Kos peminjaman juga secara amnya stabil sepanjang tempoh tersebut. Kadar pinjaman asas (base lending rate, BLR) purata bank perdagangan kekal tidak berubah pada 6.53%. Kadar pinjaman purata (average lending rate, ALR) berwajaran bagi pinjaman terkumpul adalah stabil pada suku pertama (akhir bulan Mac 2014: 5.39%; akhir bulan Disember 2013: 5.36%). Kos peminjaman sektor perniagaan dan isi rumah kekal menyokong aktiviti ekonomi berikutan kadar peminjaman terus berada di bawah paras sebelum Krisis Kewangan Global.

M3 terus berkembang

Agregat monetari berkembang pada kadar lebih perlahan pada suku pertama 2014. Wang secara kecil atau M1 menurun sedikit sebnayak RM0.6 bilion pada suku tersebut. Walau bagaimanapun, pada asas tahunan, M1 berkembang sebanyak 11.4% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2013: 13%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM19.5 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat kadar pertumbuhan tahunan sebanyak 5.9% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2013: 8.1%).

M3 meningkat pada suku pertama disebabkan terutamanya oleh pemberian

Agregat Monetari



Sumber: Bank Negara Malaysia

Outstanding Liquidity Placed with Bank Negara Malaysia (At end-period, RM billion)



Source: Bank Negara Malaysia

Penentu Wang Secara Luas, M3

	Perubahan pada tempoh			
	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
M3	**44.4**	**25.4**	**109.5**	**19.5**
Tuntutan bersih terhadap Kerajaan	8.4	-5.0	21.4	7.0
Tuntutan terhadap sektor swasta	24.1	41.6	119.5	24.2
Pinjaman	*21.6*	*33.2*	*109.4*	*24.4*
Sekuriti	*2.4*	*8.4*	*10.1*	*-0.2*
Aset asing bersih[1]	7.6	4.3	-3.7	-4.9
BNM	*6.3*	*-4.0*	*-4.4*	*-18.0*
Sistem Perbankan	*1.3*	*8.3*	*0.7*	*13.2*
Pengaruh lain	4.4	-15.5	-27.7	-6.8

[1] Sebelum penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan
Sumber: Bank Negara Malaysia

kredit kepada sektor swasta oleh sistem perbankan dan tuntutan bersih yang lebih tinggi terhadap Kerajaan. Walau bagaimanapun, peningkatan ini diimbangi sebahagiannya oleh penyusutan aset asing bersih berikutan aliran keluar perdagangan dan kewangan bersih pada suku tersebut.

Dalam sistem perbankan, terdapat keadaan mudah tunai yang lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia menurun sedikit pada suku pertama berikutan pengeluaran mudah tunai bagi memenuhi permintaan yang lebih tinggi untuk dana.

Aktiviti pembiayaan sektor swasta terus kukuh pada suku pertama

Pada suku pertama, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan dan pasaran modal berjumlah RM282.2 bilion (S4 2013: RM302.8 bilion). Pada asas bersih, pinjaman sistem perbankan terkumpul dan sekuriti hutang swasta (private debt securities, PDS) meningkat pada kadar pertumbuhan tahunan 9.6% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2013: 9.8%).

Peminjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan meningkat lebih perlahan sebanyak RM8.3 bilion (S4 2013: RM11.1 bilion) disebabkan oleh pembayaran balik yang lebih tinggi pada suku pertama. Pengeluaran pinjaman secara keseluruhan stabil dengan lebih banyak dana disalurkan kepada sektor *borong dan runcit, restoran dan hotel, pertanian primer, perkilangan,* dan *harta tanah*. Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat pada kadar yang stabil iaitu 8.6% pada suku pertama (akhir bulan Disember 2013: 8.5%). Permintaan terhadap pembiayaan baharu oleh perniagaan kekal kukuh, dengan permohonan pinjaman meningkat sebanyak RM1.1 bilion berbanding dengan suku sebelumnya. Trend ini direkodkan terutamanya dalam sektor *elektrik, gas dan bekalan air* serta *pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi*.

Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pemberian Pinjaman Bank kepada PKS



Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan dan Pasaran Modal

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2013			2014	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
Jumlah pembiayaan kasar	**244.8**	**302.8**	**1,059.2**	**282.2**	**-5.9**	**15.5**	**-0.8**	**15.3**
Pengeluaran pinjaman*	221.7	259.3	961.2	258.4	2.2	9.8	3.6	16.5
PDS kasar (tidak termasuk Cagamas)	22.1	36.0	82.1	19.6	-47.4	81.9	-27.4	-11.1
Ekuiti	1.0	7.4	16.0	4.2	-24.9	21.3	-41.5	320.7
Jumlah pembiayaan bersih (A)+(B)	**33.5**	**49.0**	**146.7**	**32.3**	**11.1**	**9.8**	**9.8**	**9.6**
Sistem perbankan	24.7	38.6	121.0	22.2	11.7	10.1	10.1	9.7
Pinjaman terkumpul (A)	23.4	*34.3*	*117.7*	*21.0*	10.6	10.6	10.6	10.2
Pemegangan PDS	1.4	*4.3*	*3.4*	*1.1*	28.2	3.8	3.8	3.4
PDS terkumpul (B)	10.1	14.7	29.0	11.3	12.7	7.6	7.6	7.7
Memorandum								
PDS kasar (termasuk Cagamas)	22.6	36.0	83.9	20.5	-49.5	55.9	-30.8	-9.1

* Pinjaman sistem perbankan termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas

Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pinjaman Mengikut Sektor

	Pengeluaran pinjaman					Pinjaman terkumpul
	Pada tempoh (RM bilion)				Bahagian drpd. jumlah (%)	Bahagian drpd. jumlah (%)
	S1 13	S4 13	Tahun	S1 14		
Perusahaan perniagaan	**150.3**	**180.9**	**660.0**	**184.3**	**71.3**	**43.3**
Syarikat besar	*94.1*	*122.0*	*429.8*	*128.4*	*49.7*	*26.7*
*PKS**	*56.2*	*58.8*	*230.3*	*55.9*	*21.6*	*16.6*
Sektor terpilih						
Pertanian, perburuan, perhutanan dan perikanan	8.7	7.0	31.2	8.6	3.3	2.6
Perlombongan dan kuari	2.1	1.9	8.4	3.5	1.4	0.7
Perkilangan	48.0	54.1	200.5	55.6	21.5	7.8
Pembinaan	14.7	17.2	62.2	17.6	6.8	4.2
Harta tanah	8.4	10.8	41.6	12.1	4.7	5.8
Bekalan elektrik, gas dan air	1.9	2.0	9.5	2.6	1.0	1.1
Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel	43.5	51.5	185.4	54.2	21.0	7.2
Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi	3.1	5.8	17.1	5.4	2.1	2.4
Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan	14.6	23.6	78.3	18.1	7.0	7.0
Isi rumah	**71.4**	**78.4**	**301.1**	**74.1**	**28.7**	**56.7**
Pembelian harta kediaman	16.8	20.4	74.4	19.6	7.6	26.8
Kredit penggunaan	41.9	44.5	174.4	41.1	15.9	18.2
Antaranya:						
Kad kredit	*23.2*	*27.3*	*100.2*	*25.1*	*9.7*	*2.7*
Pembelian kereta penumpang	*10.9*	*9.5*	*41.8*	*9.0*	*3.5*	*10.9*
Lain-lain	12.6	13.5	52.3	13.4	5.2	11.6
Jumlah	**221.7**	**259.3**	**961.2**	**258.4**	**100.0**	**100.0**

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Penunjuk Pinjaman

	Pada tempoh (RM bilion)				Pertumbuhan tahunan (%)			
	2013			2014	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1	S1	S4	Tahun	S1
Jumlah								
Permohonan pinjaman	187.3	209.9	820.1	189.1	-4.7	22.0	6.3	1.0
Kelulusan pinjaman	87.4	98.0	392.5	91.1	-2.8	2.8	0.4	4.2
Pengeluaran pinjaman	221.7	259.3	961.2	258.4	2.2	9.8	3.6	16.5
Bayaran balik pinjaman	210.4	233.7	880.7	249.3	2.3	2.9	1.6	18.5
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	23.4	34.3	117.7	21.0	10.6	10.6	10.6	10.2
Antaranya:								
Perusahaan perniagaan**								
Permohonan pinjaman	84.6	88.6	358.5	89.7	-19.6	26.1	-3.7	6.0
Kelulusan pinjaman	34.5	37.0	154.8	34.8	-23.8	-11.3	-16.9	0.7
Pengeluaran pinjaman	150.3	180.9	660.0	184.3	-1.7	9.7	0.4	22.6
Bayaran balik pinjaman	145.7	167.6	619.2	181.1	-0.3	2.0	-0.9	24.3
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	7.0	11.1	35.4	8.3	11.7	8.5	8.5	8.6
PKS**								
Permohonan pinjaman	43.6	51.0	196.0	50.4	-19.4	41.4	13.8	15.5
Kelulusan pinjaman	15.9	18.1	71.4	15.1	-2.8	10.8	-7.9	-5.3
Pengeluaran pinjaman	56.2	58.8	230.3	55.9	18.8	3.7	6.0	-0.6
Bayaran balik pinjaman	52.5	54.0	214.2	53.5	14.3	-1.2	7.6	1.8
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	5.7	6.9	22.6	7.2	15.6	12.8	12.8	13.2
Syarikat besar								
Permohonan pinjaman	41.0	37.6	162.4	39.3	-19.8	10.0	-18.7	-4.1
Kelulusan pinjaman	18.6	19.0	83.4	19.7	-35.7	-25.5	-23.3	5.9
Pengeluaran pinjaman	94.1	122.0	429.8	128.4	-10.9	12.8	-2.4	36.4
Bayaran balik pinjaman	93.2	113.5	405.0	127.7	-7.0	3.6	-4.9	37.1
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	1.3	4.2	12.8	1.1	8.9	5.3	5.3	5.2
Isi rumah								
Permohonan pinjaman	102.6	121.3	461.6	99.4	12.5	19.1	15.5	-3.1
Kelulusan pinjaman	52.9	60.9	237.7	56.3	18.6	13.8	16.1	6.5
Pengeluaran pinjaman	71.4	78.4	301.1	74.1	11.6	9.9	11.4	3.8
Bayaran balik pinjaman	64.7	66.1	261.5	68.2	8.6	5.2	8.0	5.4
Perubahan dalam pinjaman terkumpul*	16.2	20.9	74.1	16.1	12.1	12.0	12.0	11.7

* Pertumbuhan tahunan adalah untuk akhir tempoh.
** Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah meningkat sebanyak RM16.1 bilion pada suku pertama (S4 2013: RM20.9 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menjadi sederhana kepada 11.7% pada akhir bulan Mac (akhir bulan Disember 2013: 12%). Permintaan isi rumah untuk pinjaman menjadi sederhana pada suku itu, dengan permohonan pinjaman yang lebih rendah untuk *pembelian harta kediaman, harta bukan kediaman* dan *untuk kegunaan persendirian.*

Aktiviti pembiayaan dalam pasaran modal terus menggalakkan

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal adalah lebih tinggi pada RM39.4 bilion pada suku pertama (S4 2013: RM33.7 bilion). Sebahagian

Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

	2013			2014
	S1	S4	Tahun	S1
	RM bilion			
Oleh Sektor Awam	**8.0**	**14.3**	**43.9**	**24.0**
Sekuriti Kerajaan, *bersih*	6.3	14.3	41.9	20.0
Sekuriti Kerajaan Malaysia	*13.5*	*11.4*	*51.4*	*14.5*
Terbitan Pelaburan Kerajaan	*10.1*	*9.0*	*41.0*	*9.0*
Tolak: Penebusan	*17.2*	*6.1*	*50.6*	3.5
Bon Simpanan, *bersih*	-	-	(2.4)	-
Sukuk Perumahan Kerajaan, *bersih*	1.7	-	4.4	4.0
Oleh Sektor Swasta	**8.7**	**19.5**	**38.3**	**15.4**
Saham	1.0	7.4	16.0	4.2
Sekuriti hutang, *bersih*	7.7	12.0	22.2	11.2
Sekuriti Hutang Swasta	*22.6*	*36.0*	*83.9*	*20.5*
Tolak: Penebusan	*14.9*	*24.0*	*61.6*	*9.4*
Jumlah	**167.7**	**33.7**	**82.1**	**39.4**

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

Terbitan PDS Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)



¹ Termasuk terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas dan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am

Sumber: Bank Negara Malaysia

Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia



Sumber: Bank Negara Malaysia

Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Sekuriti Hutang Swasta 5 tahun



Sumber: Bank Negara Malaysia

besar dana diperoleh sektor awam, berjumlah RM24 bilion (S4 2013: RM14.3 bilion).

Dalam sektor swasta, terbitan sekuriti hutang swasta baharu berjumlah RM20.5 bilion (S4 2013: RM36.0 bilion). Dana yang diperoleh digunakan terutamanya untuk modal kerja dan perbelanjaan am korporat. Sementara itu, terbitan ekuiti pada suku itu berjumlah RM4.2 bilion (S4 2013: RM7.4 bilion). Selepas membuat pelarasan bagi penebusan, dana bersih yang diperoleh sektor swasta berjumlah RM15.4 bilion (S4 2013: RM19.5 bilion).

Dalam sektor awam, dana kasar yang diperoleh meningkat kepada RM27.5 bilion (S4 2013: RM20.4 bilion). Dana diperoleh melalui terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Security, MGS) 3 tahun, 7 tahun dan 10 tahun, serta pembukaan semula MGS 15 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issue, GII) 5 tahun, 7 tahun dan 10 tahun. Di samping itu, dana sebanyak RM4 bilion telah diperoleh melalui terbitan Sukuk Perumahan Kerajaan.

Kadar hasil bon sebahagian besarnya stabil

Meskipun pasaran kewangan global makin tidak menentu dan aktiviti penghindaran risiko yang meningkat dalam pasaran kewangan serantau, kadar hasil MGS secara relatif kekal tidak berubah pada suku pertama 2014. Permintaan terhadap MGS daripada institusi dalam negeri, dan jangkaan terhadap pendirian dasar monetari yang terus akomodatif di AS terus menyokong kadar hasil pada tempoh tersebut. Hasilnya, kadar hasil MGS 5 tahun dan 10 tahun masing-masing mencatat penurunan kecil sebanyak 0.1 dan 2 mata asas manakala MGS 3 tahun mencatat kenaikan sebanyak 7 mata asas.

Secara umumnya, kadar hasil bon korporat meningkat pada suku pertama. Kadar hasil bon korporat AAA dan AA 5 tahun masing-masing meningkat sebanyak 18 dan 14 mata asas, manakala kadar hasil bon korporat A menyusut sebanyak 9 mata asas.

Urus niaga sekunder dalam pasaran bon menurun

Jumlah urus niaga dalam pasaran sekunder menurun sedikit kepada RM137 bilion pada suku pertama (S4 2013: RM139 bilion). Berbanding dengan suku sebelumnya, segmen MGS mencatat nisbah mudah tunai yang lebih rendah pada 0.26, segmen GII mencatat nisbah mudah tunai yang lebih tinggi sebanyak 0.18, manakala segmen PDS secara relatif tidak berubah pada 0.06.

Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul



Sumber: Bank Negara Malaysia

FBM KLCI menyusut sedikit

Pada suku pertama, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI menyusut sebanyak 17.8 mata untuk ditutup pada 1,849.2 mata (akhir bulan Disember 2013: 1,867 mata). Penyusutan didorong terutamanya oleh kebimbangan para pelabur terhadap lanjutan pengecilan program pembelian aset oleh Federal Reserve Amerika Syarikat, prospek pertumbuhan dalam beberapa ekonomi sedang pesat membangun dan perkembangan geopolitik di Eropah Timur. Walau bagaimanapun, penyusutan ini diimbangi oleh sentimen positif dalam pasaran berikutan siaran data ekonomi Malaysia dan data pekerja Amerika Syarikat yang menggalakkan. Secara keseluruhan, permodalan pasaran meningkat kepada RM1.72 trilion pada akhir bulan Mac 2014 (akhir bulan Disember 2013: RM1.70 trilion) manakala urus niaga purata harian meningkat kepada 2.05 bilion unit (S4 2013: 1.70 bilion unit) pada suku itu.

Pada 14 Mei 2014, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1,879.2 mata (sejak akhir bulan Mac 2014: 1.6%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.75 trilion (sejak akhir bulan Mac 2014: 1.6%).

Prestasi Pasaran Global dan Serantau Terpilih pada 2014 (% pertumbuhan suku tahunan)



Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih

	2013			2014
	Pada akhir			
	Mac	Dis	Tahun	Mac
Indeks harga				
Komposit	1,671.6	1,867.0	1,867.0	1,849.2
FBMEMAS[1]	11,420.5	12,853.6	12,853.6	12,797.6
Pasaran ACE[2]	4,008.3	5,675.8	5,675.8	6,661.3
Permodalan pasaran (RM bilion)	1,472.5	1,702.2	1,702.2	1,719.1
Bilangan syarikat yang disenaraikan	915	911	911	907
	Pada tempoh			
	S1	S4	Tahun	S1
Urus niaga harian purata				
Jumlah (juta unit)	1,070.6	1,704.7	1,567.3	2,046.4
Nilai (RM juta)	1,716.1	2,330.2	2,157.2	2,158.8

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran

	2013						2014	
	S1		S4		Tahun		S1	
	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion	Bilion unit	RM bilion
Urus niaga	62.1	99.5	107.4	146.8	386.9	527.8	120.7	127.4
Antaranya:								
Papan Utama	48.9	97.9	80.0	140.7	305.2	512.3	91.3	119.7
Antaranya								
Produk Pengguna	3.1	5.3	7.3	5.5	20.9	22.6	8.4	7.1
Produk Industri	8.7	7.0	9.6	9.7	51.5	40.4	18.9	13.1
Pembinaan	2.4	3.9	2.8	4.6	15.1	25.0	4.0	5.9
Dagangan/Khidmat	16.6	42.3	34.6	81.0	111.4	229.1	33.9	51.9
Kewangan	3.5	21.9	4.0	18.2	17.2	103.2	3.4	18.8
Harta Benda	5.1	5.7	8.8	6.7	34.0	35.6	10.5	7.8
Perladangan	1.2	4.8	1.7	5.6	5.5	19.6	1.7	5.4
Infrastruktur	1.2	4.1	1.9	5.0	6.5	19.1	1.5	4.7
Pasaran ACE[1]	10.5	1.3	24.4	5.5	69.7	13.5	26.8	7.0

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

Ringgit terus dipengaruhi oleh ketidaktentuan luaran

Ringgit dan kebanyakan mata wang serantau yang lain terus dipengaruhi oleh perkembangan global pada suku pertama tahun 2014. Permulaan pengecilan skala program pembelian aset Federal Reserve AS, kebimbangan terhadap prospek pertumbuhan bagi beberapa ekonomi sedang pesat membangun dan perkembangan geopolitik di Eropah Timur telah meningkatkan aktiviti penghindaran risiko dan aliran keluar dana dari pasaran kewangan serantau. Walau bagaimanapun, jangkaan bahawa langkah-langkah rangsangan akan dilaksanakan di RR China serta dasar monetari yang terus akomodatif di AS memberikan sokongan kepada ringgit pada suku tersebut.

Secara keseluruhan, ringgit menambah nilai sebanyak 0.4% berbanding dengan dolar AS. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (0.7%), tetapi menyusut nilai berbanding dengan paun sterling (-0.5%) dan yen Jepun (-1.5%). Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

Ringkasan Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Terpilih Peratus Perubahan (1 Januari - 31 Mac 2014)



Sumber: Bank Negara Malaysia

Antara 1 April hingga 14 Mei 2014, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS sebanyak 1.4%. Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan euro (1.6%), yen Jepun (0.7%), paun sterling (0.1%) dan kebanyakan mata wang serantau.

Aktiviti pasaran bagi derivatif pertukaran asing meningkat pada suku pertama

Jumlah swap pertukaran asing, niaga hadapan dan opsyen meningkat sebanyak 37.2% dari suku keempat tahun 2013.

Peningkatan ini didorong terutamanya oleh aktiviti swap pertukaran asing yang berkembang sebanyak 43% dari suku keempat tahun 2013 kerana peserta antara bank menyokong peningkatan aktiviti dagangan dan perlindungan nilai dalam persekitaran pasaran yang semakin tidak menentu. Aktiviti dalam pasangan mata wang USD/CNY juga meningkat apabila pasaran memberi tindak balas terhadap keputusan PBoC untuk memperluas band perdagangan yuan daripada +/- 1% kepada +/- 2%.

Sementara itu, kos peminjaman dolar AS melalui pasaran swap mata wang bersilang pada awalnya meningkat sepanjang bulan Januari dan Februari, dengan swap mata wang bersilang USD/MYR 5 tahun meningkat sebanyak 15 mata asas kepada tahap tertinggi 85 mata asas pada tempoh tersebut. Walau bagaimanapun, angka ini menurun kepada 78 mata asas pada bulan Mac berikutan kadar dan keseragaman pengecilan skala program pembelian aset Federal Reserve AS yang lebih jelas.

Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Utama



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit berbanding dengan Mata Wang Serantau



Sumber: Bank Negara Malaysia

Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih

RM bagi satu unit mata wang asing	Pada akhir tempoh				% perubahan sejak*		
	21 Jul 05	S1 13	S4 13	S1 14	21 Jul 05	S1 13	S4 13
Dolar AS	3.8000	3.0885	3.2815	3.2685	16.3	-5.5	0.4
Euro	4.6212	3.9618	4.5263	4.4934	2.8	-11.8	0.7
Paun sterling	6.6270	4.6971	5.4076	5.4354	21.9	-13.6	-0.5
Dolar Australia	2.8823	3.2174	2.9299	3.0173	-4.5	6.6	-2.9
100 yen Jepun	3.3745	3.2811	3.1281	3.1770	6.2	3.3	-1.5
Dolar Singapura	2.2570	2.4911	2.5943	2.5927	-12.9	-3.9	0.1
100 baht Thai	9.0681	10.545	9.9757	10.077	-10.0	4.6	-1.0
100 peso Filipina	6.8131	7.5606	7.3908	7.2795	-6.4	3.9	1.5
100 rupiah Indonesia	0.0386	0.0318	0.0269	0.0288	34.3	10.5	-6.4
100 won Korea	0.3665	0.2773	0.3108	0.3065	19.6	-9.5	1.4
100 dolar Taiwan Baharu	11.890	10.342	11.009	10.727	10.8	-3.6	2.6
Renminbi China	0.4591	0.4973	0.5422	0.5251	-12.6	-5.3	3.3

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia